



18 SEP, 2026

Krisis bekalan global jejas pasaran tenaga negara



Berita Harian, Malaysia

Krisis bekalan global jejas pasaran tenaga negara

Johor Bahru: Gangguan bekalan tenaga global menunjukkan kesan susulan apabila impak yang sebelum ini tertumpu terhadap pasaran petrol bermula Mac lalu, dikesan menular kepada bekalan tenaga lain seperti gas asli dan arang batu.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata fenomena kesan susulan itu mula memberi implikasi langsung kepada kos pengeluaran tenaga elektrik, terutama pengguna yang mencatat penggunaan melebihi 600 kilowatt-jam (kWh) sebulan.

Katanya, pengguna yang menggunakan lebih 600 kWh berdepan kesan daripada gangguan bekalan tenaga global.

"Mac lalu, kesan paling ketara adalah harga petrol. Ketika ini, kita dapat lihat kesannya merebak kepada bekalan tenaga lain, termasuk harga gas asli, arang batu dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas Majlis Serahan Cek Cura Klinik Kesihatan Parlimen Johor Bahru di sini, semalam.

Mengulas mekanisme penyelaras tarifi, Akmal Nasrullah berkata, penentuan harga bagi kelompok penggunaan tinggi dipengaruhi perubahan kos bahan api global melalui mekanisme Pe-



Akmal Nasrullah pada Majlis Serahan Cek Cura Klinik Kesihatan Parlimen Johor Bahru, semalam.

(Foto BERNAMA)

larasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA).

"Naik turun harga membabitkan pengguna dengan penggunaan lebih 600 kWh itu berdasarkan kos bahan api dipanggil AFA yang mencerminkan harga bahan api.

"Itu menjadi cabaran kepada kita kerana kesan susulan gangguan bekalan tenaga bermula dengan petrol, kini dirasai untuk bekalan tenaga sektor lain ter-

masuk gas asli," katanya.

Beliau berkata, kesan susulan bagi gas asli biasanya mengambil tiga hingga empat bulan sebelum memberi impak kepada tarif elektrik semasa.

"Gas asli adalah bahan api yang dibakar untuk menghasilkan tenaga.

"Apabila kesan bahan api mula dilihat pada peringkat global dan biasanya jika berlaku kenaikan harga petrol, ia akan ada kesan

susulan dalam tiga hingga empat bulan sebelum gas asli turut ter-kesan.

"Bahan api itu bahan yang dibakar untuk menghasilkan tenaga elektrik, kadarnya telah meningkat," katanya.

Walaupun wujud tekanan kos bahan api daripada kesan susulan itu, Akmal Nasrullah berkata, kaedah penetapan tarif semasa masih mampu melindungi majoriti pengguna domestik berska-

la kecil daripada terjejas secara langsung.

Tegasnya, mekanisme dinilai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mungkin membuka ruang lain boleh diteliti.

"Berdasarkan kaedah tarif ketika ini, majoriti pengguna dengan penggunaan di bawah 600 kWh tidak menerima impak secara langsung dari segi harga bekalan atau kos bahan api," katanya